Dalam pembangunan sistem *e-Tanah*, terdapat isu dan cabaran yang telah dihadapi, antaranya adalah berkaitan dengan sumber data yang bermasalah. Isu yang dihadapi ini menjadi tugas kritikal untuk diselesaikan. Antaranya adalah ketidakseragaman struktur data yang menyebabkan keutuhan dan keunikan data menjadi lemah di dalam proses pengintegrasian dengan pangkalan data yang berkaitan, misalnya data SPTB dan data-data di dalam Pangkalan Data Ukur Kadaster (PDUK). Masalah tersebut antaranya berpunca daripada ketidakseragaman kod-kod daerah, mukim dan bilangan aksara nombor lot berbanding kod piawai yang dibangunkan oleh pihak MaCGDI (Jamlus Draman, 2012). Kod-kod yang tidak selaras ini menyebabkan kesukaran untuk mewujudkan kod *Unique Parcel Identifier* (UPI) di antara kedua-dua data berkenaan. Keadaan ini dapat digambarkan dengan lebih jelas dengan merujuk Jadual 1.1, 1.2, 1.3, 1.4 dan Rajah 1.2.

Jadual 1.1: Perbandingan kod daerah di antara tiga (3) agensi yang berkaitan

| NAMA DAERAH | KOD | | |
|-------------------------|----------------|--------------|-----------------------|
| | SPTB (PDT/PTG) | PDUK (JUPEM) | My GeoPortal (MacGDI) |
| KUALA TERENGGANU | 05 | 04 | 04 |

Jadual 1.2: Perbandingan kod mukim di antara tiga (3) agensi yang berkaitan

| BIL | NAMA MUKIM | SPTB (PDT/PTG) | PDUK (JUPEM) | My GeoPortal (MacGDI) |
|-----|-------------------|----------------|--------------|-----------------------|
| 1 | ATAS TOL | 01 | 02 | 02 |
| 2 | BATU BURUK | 02 | 03 | 03 |
| 3 | BATU RAKIT | 03 | 04 | 04 |
| 4 | BELARA | 04 | 05 | 05 |
| 5 | BUKIT BESAR | 05 | 06 | 06 |
| 6 | CABANG TIGA | 06 | 08 | 08 |
| 7 | CENERING | 07 | 09 | 09 |
| 8 | GELUGUR KEDAI | 08 | 10 | 10 |
| 9 | GELUGUR RAJA | 09 | 11 | 11 |
| 10 | KEPUNG | 10 | 12 | 12 |
| 11 | KUALA IBAI | 11 | 14 | 14 |
| 12 | KUALA NERUS | 12 | 15 | 15 |
| 13 | KUBANG PARIT | 14 | 16 | 16 |
| 14 | LOSONG | 15 | 17 | 17 |
| 15 | MANIR | 16 | 18 | 18 |
| 16 | PALUH | 17 | 20 | 20 |
| 17 | PENGADANG BULUH | 18 | 21 | 21 |
| 18 | PULAU-PULAU | 19 | 22 | 22 |
| 19 | PULAU REDANG | 20 | 23 | 23 |
| 20 | RENGAS | 21 | 24 | 24 |
| 21 | SERADA | 22 | 25 | 25 |
| 22 | TOK JAMAL | 23 | 26 | 26 |
| 23 | BANDAR | 73 | 40 | 40 |
| 24 | PEKAN CABANG TIGA | 84 | 71 | 71 |

Jadual 1.3: Perbandingan bilangan aksara bagi nombor lot yang tidak konsisten

| SPTB (PDT/PTG) | PDUK (JUPEM) | My GeoPortal (MacGDI) |
|------------------------|-------------------------|-----------------------|
| 201 | 201 | 0000201 |
| 982 | 982 | 0000982 |
| 1112 | 1112 | 0001112 |
| 1351 | 1351 | 0001351 |
| 11596 | 11596 | 0011596 |
| 33921 | 33921 | 0033921 |
| Tidak konsisten | Tidak kons istan | 7 Aksara |

Jadual 1.4: Konsep penjaanaan kod UPI yang dibangunkan oleh MacGDI

| Negeri | Daerah | Mukim/Bandar/ Pekan | Seksyen | Nombor Lot |
|--------------------|--------------------|------------------------|--------------------|--------------------|
| 2 aksara (char) | 2 aksara (char) | 2 aksara (char) | 3 aksara (char) | 7 aksara (char) |
| 07 | 04 | 44 | 019 | 0003476 |

The screenshot displays the 'Unique Parcel Identifier' (UPI) web application. At the top, there is a navigation bar with the title 'Unique Parcel Identifier' and user options like 'APA ITU UPI?', 'MANUAL PENGGUNA', and 'LOGIN'. Below this is a search form with the following fields:

| NEGERI | DAERAH | MUKIM/BANDAR/PEKAN | SEKSYEN | NO. LOT (Contoh) |
|------------|-------------------------|--------------------|---------|------------------|
| 11 | 04 | 17 | 000 | 0001234 |
| TERENGGANU | DAERAH KUALA TERENGGANU | MUKIM LOSONG | TIADA | 1234 |

Below the form, the UPI is displayed as: **UPI : 1104170000001234**. The map shows the state of Terengganu with various mukim areas highlighted in yellow. A list of mukim names and their corresponding UPI codes is displayed on the left side of the map:

| | | |
|----|-----------------------|--------|
| 02 | MUKIM ATAS TOL | 110402 |
| 03 | MUKIM BATU BURUK | 110403 |
| 04 | MUKIM BATU RAKIT | 110404 |
| 05 | MUKIM BELARA | 110405 |
| 06 | MUKIM BUKIT BESAR | 110406 |
| 08 | MUKIM CABANG TIGA | 110408 |
| 09 | MUKIM CENERING | 110409 |
| 10 | MUKIM GELUGUR KEDAI | 110410 |
| 11 | MUKIM GELUGUR RAJA | 110411 |
| 13 | MUKIM KEPUNG | 110413 |
| 14 | MUKIM KUALA IBAI | 110414 |
| 15 | MUKIM KUALA NERUS | 110415 |
| 16 | MUKIM KUBANG PARIT | 110416 |
| 17 | MUKIM LOSONG | 110417 |
| 18 | MUKIM MAHIR | 110418 |
| 20 | MUKIM PALUH | 110420 |
| 21 | MUKIM PENGADANG BULUH | 110421 |
| 22 | MUKIM PULAU-PULAU | 110422 |
| 23 | MUKIM PULAU REDANG | 110423 |
| 24 | MUKIM RENGAS | 110424 |
| 25 | MUKIM SERADA | 110425 |
| 26 | MUKIM TUK JAMAL | 110426 |

The interface also includes a search bar, a 'Maklumat' button, and a 'Refresh Map' button. The map shows the state of Terengganu with various mukim areas highlighted in yellow. The bottom of the interface shows the browser status bar with the URL 'http://myis3.mygeoportal.gov.my/upi/' and the time '11:59 AM'.

(Sumber : MyGeoPortal, 2012)

Rajah 1.2: Semakan kod UPI bagi mukim-mukim di Daerah Kuala Terengganu menerusi laman MyGeoPortal

Isu kesediaan data geospasial berdigit yang berkualiti juga menyebabkan kesukaran untuk melaksanakan projek *e-Tanah* (Haron Abdul Kader, 2012). Ketika ditemubual pada 22 Jun 2011, Anual Aziz mengatakan pihak MacGDI telah mengambil langkah proaktif untuk membangun dan menyelaras projek pembangunan Pangkalan Data Geo Spasial (PDGS) di PTD sebagai satu langkah persediaan untuk

menyediakan data-data geospasial yang mampu digunakan untuk menyokong pembangunan sistem pentadbiran tanah yang lebih mantap misalnya sistem *e-Tanah* yang akan dikembangkan keseluruh negara.

Malangnya projek PDGS ini agak sukar diteruskan walaupun jelas keperluan dan kepentingannya. Hal ini adalah berkaitan dengan kekangan kewangan kerana bajet yang besar diperlukan untuk membangunkan sistem PDGS di setiap daerah terutamanya bagi perolehan perisian GIS (Jamlus Draman, 2012). Berdasarkan senario yang dinyatakan di atas, timbul persoalan, apakah alternatif yang boleh diambil untuk menangani isu dalam membangunkan sistem PDGS dengan bajet yang rendah tetapi tanpa mengurangkan kualiti dan had pengurusan data geospasial yang dibangunkan.

Menurut Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) (2012), kerajaan dapat melakukan penjimatan dalam melaksanakan projek-projek berkaitan dengan ICT dengan membawa pendekatan pembangunan menggunakan Perisian Sumber Terbuka Dan Bebas (FOSS). Sejak Pelan Induk FOSS Sektor Awam dilancarkan pada 2004, sebanyak 708 dari 724 agensi awam (97.8%) telah melaksanakan FOSS di pelbagai peringkat dengan penjimatan kos pelesenan perisian yang diketahui lebih kurang RM 370 juta.

Berdasarkan kenyataan di atas, secara umumnya pembangunan sistem berasaskan perisian sumber terbuka di sektor awam mampu untuk mengatasi kekurangan bajet dalam pelaksanaan sesuatu projek berkaitan ICT terutamanya untuk perolehan perisian komputer khususnya dari segi pelesenan. Ketika ditemubual pada 18 Februari 2013, Rahim Sidek berpendapat sekiranya pihak kerajaan mengaplikasikan FOSS dalam pelaksanaan projek PDGS di semua PTD di Malaysia berkemungkinan dapat melakukan penjimatan perolehan perisian GIS sebanyak 11.42 juta. Berdasarkan kepada kemampuan dan situasi kewangan semasa, penjimatan ini boleh dianggap sebagai satu inovasi dalam meringankan bebanan kewangan yang dihadapi oleh kerajaan pada masa sekarang (Rosnizam Eusoff *et al.*, 2011).

Selain daripada aspek penjimatan, pelaksanaan FOSS di sektor awam turut meningkatkan lagi mutu sistem penyampaian kepada masyarakat (Tan King Ing dan

Thomas, 2011). Menurut beliau, apabila tiada batasan dan kekangan bajet terhadap perolehan perisian GIS, maka seluruh pengoperasian boleh dilakukan dengan lebih efisien dengan mengendalikan dan membuat analisis perancangan menggunakan sumber data digital yang sememangnya mudah dicapai, dimanipulasi serta disebar. Menurutnya lagi, pemakaian FOSS ini adalah lebih selamat disebabkan kod sumber adalah terbuka, lebih ramai yang memeriksa kod sumber dan dengan itu kemungkinan besar lebih banyak kesilapan dijumpai dan dibetulkan.

Di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBDSM), sebahagian proses pengendalian data-data geospasial dalam perancangan bandar telah pun mengaplikasikan FOSS (Abbas, 2010). Menurut Beliau tindakan ini telah memberi kesan yang positif kepada agensi berkenaan kerana mampu untuk menyelaraskan hampir keseluruhan data-data spatial yang terlibat dalam perancangan pembangunan negara. Pemakaian FOSS yang sangat mesra pengguna, keupayaan yang tinggi dalam mengendalikan data geospasial, serta tiada sekatan dan batasan untuk menggunakan perisian ini di semua terminal komputer adalah faktor utama yang memberi kekuatan kepada agensi ini dalam menguruskan data-data berkenaan.

Ketika ditemubual pada 22 Februari 2013, Mariyam mengatakan di dalam pelaksanaan perisian sumber terbuka di sektor awam tidak dinafikan terdapat kebaikan yang diperolehi, namun ia menghadapi cabaran tersendiri. Sebagai contoh, Di MaCGDI turut mengaplikasikan GIS berasaskan perisian sumber terbuka dan bebas (FOSS GIS) sebagai GIS *web Server* dalam pembangunan *web based GIS*, namun menghadapi cabaran untuk mendapatkan khidmat sokongan dan latihan secara komprehensif.

Oleh kerana terdapat potensi dan juga cabaran dalam melaksanakan teknologi sebegini, ia memerlukan proses penilaian khusus bagi melihat sejauh mana potensi dan juga cabaran dalam memenuhi keperluan pengguna di sektor awam khususnya di PTD seluruh negara. Kriteria-kriteria tertentu perlu diketahui dan pemberat setiap kriteria berkenaan perlu ditentukan bagi membolehkan proses penilaian menjadi lebih tepat dan menyeluruh.

1.2 Pernyataan Masalah

Perkembangan GIS di Malaysia boleh dikategorikan sudah mencapai tahap kematangannya. Penggunaan teknologi GIS telah diaplikasikan dalam pelbagai bidang di agensi-agensi kerajaan sama ada kerajaan persekutuan mahupun kerajaan negeri. Secara amnya, keupayaan GIS ini adalah bergantung kepada kualiti data dan maklumat yang mampu dicapai dan diperolehi melaluinya. Data-data yang diinputkan perlulah mengikut piawaiannya dan *standard* tertentu bagi membolehkan para pengguna membuat keputusan dengan tepat. Pelbagai data perlu diintegrasikan dan disepadukan bagi memastikan teknologi GIS menjadi lebih efisien.

Dalam kes PTD, data-data hakmilik daripada SPTB perlu dipadankan dengan data-data spatial lot tanah daripada PDUK agar data-data ini dapat diintegrasikan dan disepadukan bagi menyokong pembangunan PDGS di PTD. Sehubungan itu, Kerajaan Malaysia cuba mengambil alternatif dengan pelaksanaan FOSS GIS untuk mengurangkan kos pelesenan dalam pembangunan infrastruktur ICT di dalam sektor awam (MAMPU, 2012; Zaini Md Nor, 2012). Alternatif ini juga sebenarnya telah dilaksanakan di negara-negara lain misalnya di United Kingdom, Jerman, China, India, Norway (Waring dan Maddocks, 2005), Afrika Selatan (Abdalla Shaame *et al.*, 2013), Brazil, Thailand (Camara dan Fonseca, 2006), Iran, Syria, Jepun, Korea, Spanyol, Peru dan United States (Nathan dan Paul, 2012). Selain itu, Charpentier dan Carbone (2004) turut menyatakan terdapat 24 negara yang telah menerima pakai FOSS GIS di sektor awam.

Namun, pelaksanaan dan penggunaan FOSS GIS ini masih lagi berada pada tahap yang rendah akibat kurangnya kesedaran dan pendedahan yang khusus mengenai kemampuan teknologi FOSS GIS (Abdalla Shaame *et al.*, 2013; Kamau dan Namuye, 2012; Camara dan Fonseca, 2006). Sehubungan itu juga, terdapat persepsi dikalangan pengguna GIS yang menganggap bahawa keupayaan FOSS GIS adalah terbatas, fungsinya adalah terhad, tidak mesra pengguna, kekurangan sokongan teknikal dan FOSS GIS adalah sukar untuk di pasang (*install*) (Kamau dan Namuye, 2012). Sehubungan dengan itu, seharusnya ada satu kajian mendalam

tentang sejauh mana potensi dan keupayaan FOSS GIS dalam pemakaiannya di sektor awam khususnya di PTD.

1.3 Matlamat Kajian

Kajian ini bertujuan menilai sejauh mana potensi FOSS GIS terutamanya dari segi keupayaan dan kesediaan fungsi-fungsi dalam menguruskan data-data geospasial di PTD.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan perbincangan tentang permasalahan kajian yang dihuraikan sebelum ini, tiga (3) persoalan kajian yang spesifik telah digariskan untuk dijadikan sebagai panduan asas kepada keseluruhan pelaksanaan kajian. Persoalan kajian tersebut adalah disenaraikan seperti berikut:

1. Apakah fungsi-fungsi GIS yang diperlukan dalam pengurusan data geospasial di PTD ?
2. Apakah fungsi-fungsi yang ditawarkan oleh FOSS GIS ?
3. Sejauh mana potensi dan keupayaan FOSS GIS dalam pemakaiannya di PTD ?

1.5 Objektif Kajian

Bagi memastikan matlamat kajian ini dicapai, beberapa objektif telah dirangka sebagai panduan penyelidikan untuk menjawab persoalan kajian yang telah digariskan. Objektif-objektif kajian yang ditetapkan adalah seperti berikut:

1. Menyiasat keperluan terhadap fungsi-fungsi GIS yang terlibat dalam pengurusan data geospasial di PTD.
2. Mengenalpasti fungsi-fungsi GIS yang ditawarkan oleh FOSS GIS di dalam pemakaiannya di PTD .
3. Menilai potensi penggunaan FOSS GIS di PTD.

1.6 Skop Kajian

Bagi memastikan kejayaan kajian ini, ianya bukan hanya bergantung kepada objektif yang jelas, tetapi juga kepada skop yang dibataskan. Pada dasarnya skop kajian ini adalah dibatasi oleh perkara-perkara berikut:

- a) Ujian dan penilaian adalah berasaskan kepada keperluan pengguna di PTD
- b) Potensi yang dinilai adalah hanya meliputi aspek keupayaan dan kesediaan fungsi-fungsi yang di tawarkan oleh FOSS GIS dalam mengendalikan data-data geospasial di PTD

- c) Hanya empat (4) buah perisian FOSS GIS *Desktop* yang akan dinilai setelah proses pemilihan dilakukan iaitu Quantum GIS 1.80, gvSIG 1.10, OpenJUMP 1.6.6 dan MapWindow GIS 4.8.8
- d) Data-data geospasial yang terlibat dalam kajian ini adalah hanya melibatkan data-data vektor 2-dimensi sahaja. Walau bagaimanapun data raster turut digunakan tetapi hanya sebagai imej latar belakang (*background image*).
- e) Aplikasi yang dibangunkan adalah merangkumi modul-modul berdasarkan keperluan di Pejabat Tanah Daerah Kuala Terengganu.
- f) Soal selidik yang dijalankan adalah merangkumi 13 PTD di Semenanjung Malaysia.

1.7 Kepentingan Kajian

Di antara sumbangan penyelidikan ini adalah meliputi perkara-perkara berikut :

- a) Pengetahuan tentang potensi FOSS GIS akan memberi satu lagi alternatif kepada pembangunan aplikasi GIS di negara ini dengan mengimplementasikan teknologi FOSS GIS di sektor awam khususnya di PTD. Pembangunan GIS berkonsepkan *low cost* menerusi penggunaan teknologi FOSS GIS dapat mengurangkan kos perlesenan dan mengatasi masalah kekangan bajet.
- b) Pelaksanaan FOSS GIS membolehkan sesuatu organisasi terutamanya di sektor awam dapat menggunakan aplikasi GIS tanpa kekangan terhadap bilangan perisian yang diperlukan.
- c) Penggunaan data geospasial berdigit yang dibangunkan menerusi FOSS GIS turut memudahkan pengintegrasian dengan sumber data lain misalnya data imej

satelit dan data topografi berdigit bagi tujuan pemantauan dan kajian awal pembangunan tanah. Urusan membuat keputusan bagi permohonan bermilik tanah dan pembangunan tanah juga akan menjadi lebih mudah kerana pangkalan data geospasial boleh diintegrasikan dengan pelan-pelan permohonan yang disediakan secara digital. Ini termasuklah urusan pengambilan balik tanah bagi keperluan pembangunan fizikal. Selain itu juga, kesediaan data-data geospasial yang berkualiti ini, memungkinkan kejayaan pelaksanaan sistem pentadbiran dan pengurusan tanah yang lebih mantap, misalnya pelaksanaan sistem *e-Tanah* dapat direalisasikan sepenuhnya.

1.8 Penulisan Bab

Penulisan tesis ini disusun menerusi lima (5) Bab. Bab I adalah tentang pengenalan kajian ini. Ia termasuklah menerangkan latar belakang kajian dan menjelaskan idea umum kajian ini. Bab ini juga menerangkan pernyataan masalah, matlamat, objektif, skop, dan kepentingan kajian.

Bab II menerangkan tentang kajian literatur dan kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan penyelidikan ini. Penekanan dalam bab ini adalah tertumpu kepada kajian-kajian lepas dan turut membincangkan berkenaan apa itu GIS, penggunaan GIS secara umum, kelebihan GIS, pengenalan kepada FOSS dan pelaksanaan FOSS GIS. Bab ini juga menjelaskan konsep, teori dan pendekatan yang diambil untuk melaksanakan proses pemilihan serta penilaian potensi terhadap FOSS GIS.

Bab III adalah mengenai metodologi penyelidikan. Bab ini menerangkan kaedah penyelidikan secara terperinci yang akan digunakan dalam kajian ini. Semua kaedah yang digunakan dibincangkan serta carta aliran kaedah penyelidikan akan dimasukkan untuk menunjukkan gambaran kaedah penyelidikan yang digunakan dalam menjayakan kajian ini.

Bab IV menerangkan tentang keputusan dan analisis kajian ini. Ia membincangkan hasil penilaian terhadap potensi dan keupayaan setiap FOSS GIS yang dikaji berdasarkan aplikasi yang dibangunkan. Perbincangan ini diterangkan dengan bantuan persembahan grafik, jadual dan graf.

Bab V adalah mengenai kesimpulan dan cadangan untuk kajian masa depan. Bab ini menyatakan kesimpulan terhadap dapatan kajian dan membuat justifikasi dalam pembangunan aplikasi FOSS GIS di agensi-agensi kerajaan.

RUJUKAN

- Abbas (2010). *Establishing Quantum GIS As The Principal GIS In The Public Sector*. Buletin Geospatial Sektor Awam. 23-29. Edisi 2/2010. ISSN 1823 7762.
- Abdalla Shaame, Kamalanathan Shanmugam, dan Ali Dehghantanha (2013). An Educational Framework for Free and Open Source Software. *International Journal of Innovation, Management and Technology*. 4(1), 58-67.
- Ahris Yaakup, Ahmad Nazri Muhamad Ludin, Foziah Johar dan Nordidni Che' Man (2008). Kriteria Serakan Bandar/ Serakan Guna Tanah. *Laporan Akhir Penyelidikan VOT 78106*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Andrew S. Dye dan Shih-Lung Shaw (2007). A GIS-based Spatial Decision Support System for Tourists of Great Smoky Mountains National Park, *Journal of Retailing and Consumer Services*, 14, 269-278.
- Aryati Bakri, Mahadi Bahari, Azizah Abdul Rahman dan Mohd Yazid Pathani (2012). Prioritization Methods in Analytic Hierarchy Process (AHP) by Example. *Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Baharuddin Aris, Jamalludin Harun dan Zaidatun Tasir (2001). *Pembangunan Perisian Multimedia : Satu Pendekatan Sistematik*. Ampang, Kuala Lumpur: Venton Publisihing.

- Bugs, G., Granell, C., Huerta, J. dan Painho, M. (2010). An Assessment of Public Participation GIS and Web 2.0 Technologies in Urban Planning Practice in Canela, Brazil. *Cities*, 27, 172–181.
- Burrough, P. A. (1986). Principles of Geographic Information Systems for Land Resource Assessment. Monographs on Soil and Resources Survey No. 12, Oxford Science Publications, New York.
- Butler, J. A. dan Dueker, K. J. (2001). Implementing the Enterprise GIS in Transportation Database Design. *URISA Journal*, 13(1) 17-28.
- Camara, G. dan Fonseca, F. (2006). Information Policies and Open Source Software in Developing Countries. *Journal of the American Society for Information Science and Technology (JASIST)*, 124-136.
- Charpentier, R. dan Carbone, R. (2004). Free and Open Source Software: Overview and Preliminary Guidelines for the Government of Canada. *Defence R&D Canada*. Unlimited Distribution, 232-247.
- Chen, D., Shams, S., Carmona-Moreno, C., dan Leone, A. (2010). Assessment of Open Source GIS Software for Water Resources Management in Developing Countries. *Journal of Hydro-environment Research*, 4, 253-264.
- Clarke, K. C. (1995). Analytical and Computer Cartography. 2nd ed. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Coppock, J. T. dan Rhind, D. W. (2013). The History of GIS. Dicapai pada 20 Mei 2013 di url: www.grossmont.edu/judd.curran/History_of_GIS.pdf
- Davis, L. and Williams, G. (1994). Evaluating and selecting simulation software using the analytic hierarchy process. *Integrated Manufacturing Systems*, 5, 23-32.

- Duecker, K. J. (1979). Land Resource Information Systems: A Review of Fifteen Years of Experience. *Geo-Processing*, 1 (2), 105-128.
- Environmental Systems Research Institute (2013). What is GIS?. Dicapai pada 02 Mac 2013 di url: www.esri.com/what-is-gis/overview#overview_panel
- European Petroleum Survey Group (EPSG) (2013). Spatial Reference. Dicapai pada 02 Mac 2013 di url: <http://spatialreference.org>
- Garland, R. (1991). The Mid-Point on a Rating Scale: Is it Desirable?. *Marketing Bulletin 2. Research Note*. 3, 66-70.
- George, D. dan Mallery, P. (2002). *SPSS for Windows Step by Step: A Simple Guide and Reference. 11.0 update (4th ed.)*. Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Gold, C. M. (2006). What is GIS and What is Not?. *Transactions in GIS*, 10(4), 505–519. Review Article. Blackwell Publishing Ltd.
- Goodchild, M. F. (1992). A Geographical information science. *International Journal Geographic Information System*, 6, 31-45.
- GRASS (2014). Historical Notes. Dicapai pada 14 Mei 2014 di url: <http://grass.osgeo.org/home/history/>
- Haron Abdul Kader (2012). E- Tanah Isu dan Cabaran. *Simposium Maklumat Geospasial Kebangsaan Ke-5*. Kertas Pembentangan. Putrajaya International Convention Centre (PICC).
- Hastarini (2008). Analytical Hierarchy Process Sebagai Model yang Luwes. Prosiding INSAHP5. *Teknik Industri UNDIP*. ISBN : 97 8-979-97 57 1-4-2, Semarang, 14 Mei 2008. 1-9.

- Hossein Mohammadi, Andrew Binns, Abbas Rajabifard dan Ian P. Williamson (2013). *Spatial Data Integration*. tidak diterbitkan. Centre for Spatial Data Infrastructures and Land Administration. Department of Geomatics, University of Melbourne.
- Ismail Mohd Hasmadi dan Sukaesih Sitangang Imas (2010). Empowering GIS Education Program: Is GIS as a Science, Art or Tool?. *Journal of GIS Trends*, 1(1), 1-7.
- Jaafar. M. N. (2009). Potensi Aplikasi GIS Dalam Pengurusan dan Pemantauan Pembangunan Sosio-Ekonomi Negeri Sabah. *Persidangan CIO Agensi Kerajaan Negeri Sabah 2009*. Kertas Kerja. Kota Kinabalu.
- Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG). (2012). *Profil e-Tanah*. Dicapai pada 26 Mac 2012 daripada laman sesawang JKPTG:
<http://www.etanah.gov.my/etanah/articledetails.php?menuid=3&subid=1>
- Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) (2008). Garis Panduan Mengenai Ujian Alat Sistem Penentududukan Sejagat (GNSS) Yang Menggunakan Perkhidmatan Malaysian RTK GNSS Network (MyRTKnet). *Pekeliling Ketua Pengarah Ukur Dan Pemetaan Malaysia*, Bilangan 1 Tahun 2008.
- Jaharah A. Ghani, Baba Md Deros, Jaafar Sahari dan Ahmad Kamal Ariffin Mohd. Ihsan (2007). Pelaksanaan Penggunaan Rubrik Projek Ilmiah Program Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanik dan Pembuatan. *Seminar Pendidikan Kejuruteraan dan Alam Bina 2007*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Jamlus Draman (2012). Pembangunan Pangkalan Data Spatial di Pejabat-Pejabat Tanah Pahang - Isu dan Cabaran. *Simposium Maklumat Geospatial Kebangsaan Ke-5*. Kertas Pembentangan. Putrajaya International Convention Centre (PICC).

Kamaruzaman Moidunny (2013). Penilaian Program: Tinjauan terhadap konsep dan model-model berkaitan. *Coretan Pemikiran*. Dicapai pada 02 Mac 2013 di laman sesawang blogspot. Url :

<http://kamaruzamanmoidunny.blogspot.com/2013/01/artikel-14-penilaian-program-tinjauan.html>

Kamau, J. dan Namuye, S. (2012). A Review of Users Adoption of Open Source Software in Africa. *Computer and Information Science*, Vol. 5, No. 5. ISSN 1913-8989.

Kousalya, P. G., Mahender Reddy, S. Supraja dan V. Shyam Prasad (2012). Analytical Hierarchy Process Approach – An Application of Engineering Education. *Mathematica Aeterna*, 2(10), 861 - 878.

Lai, V.S., Trueblood, R.P. dan Wong, B.B. (1999). Software selection: a case study of the application of the analytical hierarchical process to the selection of a multimedia authoring system. *Information & Management*, 36, 221-232.

Maekelae, J. M. (2012). The Impact of Spatial Data Quality on Company's Decision Making. *The International Archives of the Photogrammetry, Remote Sensing and Spatial Information Sciences*, 34, *Proceeding*.

Malczewski, J. (1999). GIS and Multi-Criteria Decision Analysis. New York: John Wiley and Sons.

Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU) (2012). Jawapan Soal Jawab Tahun 2012. Dicapai pada 20 Nov 2012 daripada laman sesawang MAMPU. Url:
<http://www.mampu.gov.my/web/guest/jawapan13-2012>

MapWindow (2013). Welcome to The MapWindow GIS Open Source Project. Dicapai pada 28 Julai 2013 di url: <http://www.mapwindow.org/>

MapWindow (2014). MapWindow GIS - FAQ. Dicapai pada 23 Julai 2014 di url:

<http://www.mapwindow.org/pages/faq.php>

Mohd Fadzil Abdul Rashid (2012). GIS-MCDA Bagi Mengukur Kadar Potensi Ciri-ciri Sosio-ekonomi Dan Fizikal Setinggan Terhadap Pencemaran Sungai: Petempatan Setinggan Di Sepanjang Sungai Tebrau, Johor, Malaysia. *International Conference on Innovation and Technology for Sustainable Built Environment (ICITSBE)*. UiTM (Perak).

Mohd Fadzil Abdul Rashid (2014). Menilai Kepentingan Relatif Faktor Keputusan Pemilihan Destinasi Migrasi Menggunakan Pakai AHP dengan Rujukan Kepada Lembah Klang, Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 10(3), 148-159.

Mohd Shukri Ismail (2011), Land Administration In Peninsular Malaysia: A General Overview. *Jurnal Pentadbiran Tanah*, 1(1), 1-15.

Mohd Shukri Ismail dan Anesh Ganason (2011). Perekayasaan Urusan Penyerahan Balik Tanah Bermilik Di Bawah Kanun Tanah Negara 1965. *Jurnal Pentadbiran Tanah*, 1(1), 53-64.

Multimedia Super Corridor Malaysia (MSC) (2013). Penilaian Perisian-Perisian Kursus Kementerian Pelajaran Malaysia. Dicapai pada 15 September 2013.

Url :

http://www.msomalaysia.my/sites/default/files/pdf/publications_references/Penilaian_Perisian_-_Perisian_Kursus.pdf

Musinguzi Moses, Tickodri-Togboa Sandy Stevens dan Gerhard Bax (2012). GIS Data Interoperability in Uganda. *International Journal of Spatial Data Infrastructures Research*, 7, 488-507.

MyGeoPortal (2012). Unique Parcel identifier. Dicapai pada 12 Mei 2012 di url:

<http://myliis3.mygeoportal.gov.my/upi/>

- Najafabadi, A.T. (2009). Applications of GIS in Health Sciences. *Shiraz E-Medical Journal*, 10(4).
- Nathan, W. M. dan Paul, M. A. B. (2012). Adoption and Use of Open Source Software: Preliminary Literature Review. *Center for Advanced Communications Policy*. Georgia Institute of Technology, Atlanta, Georgia.
- OpenJUMP (2013). What is Open Jump. Dicapai pada 28 Juli 2013 di url: <http://www.openjump.org/>
- OpenJUMP (2014). CTS Extension - Working with Projections. Dicapai pada 21 April 2014 di url: http://ojwiki.soldin.de/index.php?title=CTS_Extension
- Open Source Initiative (2012). The Open Source Definition. Dicapai pada 14 September 2012 daripada laman sesawang Open Source Initiative. Url: <http://opensource.org/osd>
- OSGeo (2010). *What is PostGIS*. Dicapai pada 26 Mac 2010 daripada laman sesawang OSGeo. Url: <http://postgis.refractory.net/>
- OSGeo (2013). gvSIG info sheet. Dicapai pada 28 Juli 2013 di url: <http://www.osgeo.org/gvsig>
- Parens, B. (1999). *Open Sources: Voices from the Open Source Revolution*. 1st Edition, 1-56592-582-3. O'Reilly & Associates.
- Pekin, A., Ozkan, G., Eski, O., Karaarslan, U., Ertek, G. dan Kilic, K. (2006). Application of the analytic hierarchy process (AHP) for selection of forecasting software. *5th International Symposium on Intelligent Manufacturing Systems*, Sakarya, Turkey.
- PostgreSQL Global Development Group (2010). *About PostgreSQL*. Dicapai pada 26 Mac 2010 daripada laman sesawang PostgreSQL. Url: <http://www.postgresql.org/about/>

Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI) (2011). *Pangkalan Data Geospasial Pejabat Tanah*. Dicapai pada 24 Mac 2011 daripada laman sesawang MaCGDI. Url: <http://www.mygeoportal.gov.my/ms/1838.aspx>

Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI) (2012). Mengenai MaCGDI. Malaysia Geoportal. Dicapai pada 24 Mac 2012, daripada laman sesawang MaCGDI. Url: <http://www.mygeoportal.gov.my/ms/1263.aspx>

Quantum GIS. (2013). Discover QGIS. Dicapai pada 28 Julai 2013 di url: <http://www.qgis.org/>

Quantum GIS. (2014). Discover QGIS. Dicapai pada 14 Mei 2014 di url: <http://qgis.org/en/site/about/index.html>

Reena, M. (2013). Business Process Reengineering in e-Governance: Maintenance of People Records with Implementation of Relational Database Management System. *International Journal of Innovation and Applied Studies*, Vol. 4, 222-232, ISSN 2028-9324.

Rosnizam Eusoff, Karimah Mohd Yusoff dan Azlin Norhaini Mansor (2011). Implementasi Perisian Sumber Terbuka di Kolej Matrikulasi Selangor – Potensi dan Peluang. *Malaysia Government Open Source Conference (MyGOSSCON) 2011*, (1), 1-13.

Ruslan Rainis dan Noresah Mohd Shariff (1998). *Sistem Maklumat Geografi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Saaty, T. L. (1980). *The Analytic Hierarchy Process*. McGraw-Hill International, New York, NY, U.S.A.

Saaty, T. L. (1990). *The Analytical Hierarchy Process: Planning, Priority Setting, Resource Allocation*. Pittsburgh University.

- Saaty, T. L. dan Tran, L. T. (2007). On the invalidity of fuzzifying numerical judgments in the Analytic Hierarchy Process. *Mathematical and Computer Modelling*, 46, 962–975.
- Saaty, T. L. (2008). Decision Making With the Analytic Hierarchy Process. *International journal of Services Sciences*, 1(1), 83-98.
- Seng Sue Men (2011). Location Theory Based Wind Energy System Planning. *Master Thesis*. Faculty of Electrical and Electronics Engineering, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Singh, A. (2010). GIS Based Rural Road Network Planning for Developing Countries. *Journal of Transportation Engineering*, 10.1061/(ASCE)TE.1943-5436.0000212. American Society of Civil Engineers.
- Srdevic, Z., Blagojevic, B. dan Srdevic, B. (2011). AHP Based Group Decision Making in Ranking Loan Applicants for Purchasing Irrigation Equipment: A Case Study. *Bulgarian Journal of Agricultural Science*, 17(4), 531-543.
- Stallman, R. M. (2009). Why “open source” misses the point of free software. *Communications of the ACM*, 52(6), 31-33.
- Star, J. dan Estes, J. E. (1990). *Geographic Information Systems: An Introduction*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Steiniger, S. dan Hunter, A. J. S. (2012). The 2012 Free and Open Source GIS Software Map – A Guide to facilitate Research. Development and Adoption. *Computers, Environment and Urban Systems*, 8.
- Tan King Ing dan J. Thomas (2011). Open Source Software – An Enabler of Malaysia's Vision 2020 transformation. Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU).

- Teacher Vision (2013). The Advantages Of Rubrics: Part One In A Five-Part Series. Dicapai pada 26 Jan 2013 daripada laman sesawang *Teacher Vision*. Url: http://www.teachervision.fen.com/teaching-methods-and-management/rubrics/4522.html?#what_is_a_rubric
- Waleed Abdullah Abdulaal (2009). Framework for enterprise GIS for Saudi municipalities. *International Journal of Geographical Information Science*, 23, 687-702.
- Waring, T. dan Maddocks, P. (2005). Open Source Software implementation in the UK public sector: Evidence from the field and implications for the future. *International Journal of Information Management*, 25, 411–428.
- Worrall, L. (1994). The Role of GIS-Based Spatial Analysis In Strategic Management in Local Government. *Computer Environment and Urban System*, 18(5), 323-332.
- Zahuddin Sidek (2010). Penggunaan Perisian Sumber Terbuka (Open Source Software) - Apa itu Perisian Open Source. *Sekitar Perpustakaan*. Perpustakaan Negara Malaysia. Bil. 40/2010.
- Zamri Ismail dan Mohamad Nor Said (2007). *GIS Application For School Information And Management System*. Laporan Akhir Penyelidikan VOT 71967. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Zaini Md Nor (2012). Pelaksanaan OSS di Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (PPSPPA). Bengkel Self Reliance Program OSS Sektor Awam Fasa III. Kertas Pembentangan. Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam.